



SIARAN MEDIA

Siaran Media :

"ALERT : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara terus komited dalam usaha mengangkat seni tari dengan menganjurkan Festival Tari Malaysia dan Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia 2019, melibatkan dua puluh (20) kumpulan daripada tiga (3) kategori dari seluruh Malaysia yang terpilih bagi merebut juara ke peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

FESTIVAL TARI MALAYSIA DAN KEJUARAAN TARI KANAK-KANAK 2019 MENGGEGARKAN ISTANA BUDAYA

KUALA LUMPUR 4 September – Festival Tari Malaysia (FTM) telah pun melalui proses evolusi yang panjang dan bertahan sehingga ke hari ini. Jika diimbangi kembali perkembangannya, FTM bermula dengan Pesta Tarian dan Drama yang telah diadakan sejak tahun 1970an. Pada tahun 1992, Pesta Tari dan Drama ini telah dijenamakan menjadi Festival Tari Malaysia dan dikelola oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Sehingga tahun 1999, penyertaan FTM hanya terbuka kepada kumpulan profesional atau kumpulan yang diwujudkan secara tetap. Lantaran permintaan yang amat menggalakkan dari para peminat juga penggiat seni tari, maka pada tahun 2000, pihak JKKN telah menukar format dengan memperluaskan penyertaan kepada kumpulan-kumpulan amatur di seluruh Negara dengan hanya menumpukan kepada konsep Kesenian Tradisional sahaja. Pada tahun 2013, perubahan konsep telah dilakukan sekali lagi dengan penambahan genre Tarian Moden bagi tujuan memperluaskan penglibatan serta menarik minat golongan generasi muda masa kini. Manakala pada tahun 2015, penekanan telah diberikan kepada konsep Kesenian Tradisi dan kontemporari solo bagi mengangkat martabat kesenian tradisi dalam industri pelancongan.

Para peserta dan kumpulan yang bertanding telah melalui proses saringan yang sengit di peringkat negeri pada tahun 2018 dengan kaedah penyertaan melalui penghantaran video kepada Urus Setia Pertandingan untuk dinilai seterusnya panel juri telah memilih kumpulan yang layak mara dan seterusnya bertanding hingga ke peringkat kebangsaan.

Justeru, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan kerjasama Istana Budaya yang menganjurkan FESTIVAL TARI MALAYSIA 2019 (FTM) pada 3 dan 4 September 2019 bertempat di Panggung Sari, Istana Budaya adalah kemuncak kepada peminat seni tari Malaysia.

OBJEKTIF FESTIVAL TARI MALAYSIA 2019

Memberi peluang kepada koreografer dan penari mempamerkan persembahan seni tari yang bermutu tinggi, mantap dan kreatif di samping membangunkan industri kreatif negara. Mengambil iktibar dari pengalaman 2013 dan 2015, Festival Tari Malaysia 2019 kembali memberi fokus kepada Tarian Rampaian Tradisional, Tarian Kontemporari Solo manakala Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia pula mempunyai kategori Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang, Duo dan Solo.

KAEDAH PENYERTAAN

Pencarian peserta FTM 2019 dilakukan dengan melaksanakan penilaian pada tahun 2018 melalui Rakaman Video yang dihantar oleh peserta kepada JKKN Negeri untuk dinilai oleh Jawatankuasa dan Juri yang telah dilantik khas oleh JKKN. Bagi FTM 2019 Sebanyak **79 kumpulan dengan jumlah peserta seramai 1031 orang** terlibat di seluruh negeri manakala Kejuaraan Tari Kanak-kanak pula sebanyak **102 Kumpulan dengan jumlah peserta seramai 1480 orang** seluruh negeri.

Dari jumlah tersebut **empat (4) Kumpulan dan empat (4) orang tarian solo** terpilih dengan **jumlah peserta seramai 55 orang** untuk bertanding di peringkat akhir bagi FTM 2019 manakala Kejuaraan Tari Kanak-kanak pula **dua belas (12) kumpulan yang terdiri daripada empat (4) kumpulan, empat (4) berpasangan (Duo) dan empat (4) orang solo** dengan jumlah keseluruhan seramai **75 orang**.

KATEGORI PERTANDINGAN

FTM 2019 pada kali ini hanya memberi penekanan pada genre Rampaian Tradisional dan Kontemporari Solo. Genre tradisional ini ialah Kategori Tarian Rampaian Tradisional.

i. KATEGORI TARIAN RAMPAIAN TRADISIONAL

Tarian tradisi Malaysia. Skop tarian tradisi termasuk Joget, Zapin, Inang dan Asli.

ii. KONTEMPORARI SOLO

Tarian yang berbentuk gerakan bebas dengan menghayati rentak muzik, perasaan dan mempunyai unsur-unsur penceritaan selain falsafah yang ingin disampaikan kepada penonton.

Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia 2019 pada kali ini hanya memberi penekanan pada kategori Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC), Tarian berpasangan (Duo) dan Tarian Solo.

i. KATEGORI KUMPULAN BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC)

Tarian Kreasi Baru berasaskan Lagu Rakyat

- Merupakan kategori tarian kreasi berasaskan lagu rakyat masyarakat Malaysia.
- Sebuah tarian baru yang mengekalkan elemen tradisi atau etnik Malaysia secara kreatif dari segi gaya, penampilan, busana, tatarias dan menjaga nilai serta budaya masyarakat Malaysia.

ii. KATEGORI KONTEMPORARI BERPASANGAN (DUO)

Tarian Kontemporari berasaskan elemen tradisional Malaysia.

- Sebuah karya tari yang tidak melanggar tatasusila dan budaya masyarakat Malaysia.
- Penampilan, busana dan tatarias hendaklah menjaga nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

iii. KATEGORI SOLO

Tarian Kontemporari berasaskan elemen tradisional Malaysia.

- Sebuah karya tari yang tidak melanggar tatasusila dan budaya masyarakat Malaysia serta menjaga penampilan, busana, tatarias hendaklah menjaga nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

PERTANDINGAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Pertandingan peringkat kebangsaan FTM 2019 ini akan menyaksikan pertempuran dua puluh (20) kumpulan secara keseluruhan termasuk dengan Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia bagi mewakili setiap kategori iaitu Tarian Rampaian Tradisional, Tarian Kontemporari Solo dan Tarian Duo (berpasangan).

PENGISIAN FESTIVAL TARI MALAYSIA 2019 –

Bagi memeriahkan FTM 2019 pada tahun ini, pihak JKKN juga telah melaksanakan beberapa program bagi memberi manfaat kepada orang ramai dan peminat seni tari di Malaysia. Antaranya ialah :

- **Jualan Buku dan Barangan Industri Seni Kreatif**
- **Pameran Festival Tari Malaysia.**
- **"Bicara dan Bengkel Tari"** oleh :
 - a. Ms. Audrey Kwan, - "Russian Ballet Dance"
 - b. Mr. Akshobhya Bharadwaj – "Indian Kathak Dance"
 - c. En. Zulfarqar Awaluddin@Belalang – "Dalam membentuk Jiwa dan Imbangan Fizikal Tubuh Penari"
 - d. En. Hanafi Rosdi – Tarian Kontemporari "Penerokaan Idea Kreatif dan Kebebasan Gerak"
 - e. Mr. Anthony Meh – Improvisasi Dalam Tari

"JKKN berusaha untuk melahirkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh dan kuat bagi menghadapi arus perubahan zaman dan globalisasi yang terlalu cepat dengan pelbagai teknologi canggih meresap ke jiwa generasi muda masa kini. Justeru itu, melalui program seumpama ini, jiwa mereka terisi dengan nilai-nilai murni dan budaya masyarakat Malaysia". Kata Ketua Pengarah JKKN Tan Sri Hajah Norliza Rofli dalam satu kenyataan pada hari ini.

JKKN bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sentiasa peka mencari inisiatif untuk memberi nilai tambah, pembaharuan ke arah transformasi dan menjadi pemangkin kepada perkembangan seni budaya tanah air melalui usaha menyokong produk pelancongan budaya sebegini.

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Tel : 03-26148200 / 2184 / 2192 / 2181
Tel : 012-257 4595 (En. Hasryn Izzuddin) / 013-3822115 (En. Nik Mohd Fadly)
Email : ukk@jkkn.gov.my / ukkjkkn@gmail.com

3 September 2019

Laman Sesawang : www.jkkn.gov.my

Facebook, Twitter, Instagram & Youtube : mysenibudaya

FAKTA NOMBOR FESTIVAL TARI MALAYSIA 2019		
PERINGKAT	JUMLAH KUMPULAN	JUMLAH
PERINGKAT NEGERI	79 kumpulan	1,031 orang
PERINGKAT KEBANGSAAN	4 Kumpulan dan 4 orang tarian solo	55 orang

FAKTA NOMBOR KEJUARAAN TARI KANAK-KANAK MALAYSIA 2019		
PERINGKAT	JUMLAH KUMPULAN	JUMLAH
PERINGKAT NEGERI	102 Kumpulan	1,480 orang
PERINGKAT KEBANGSAAN	12 kumpulan yang terdiri daripada 4 kumpulan, 4 berpasangan (Duo) dan 4 orang solo	75 orang

PERSEMBAHAN KHAS DAN ARTIS JEMPUTAN –

Persembahan Khas dan artis jemputan pada Festival Tari Malaysia 2019 menampilkan

- **Nyanyian oleh Noraniza Idris**
- **Tarian Kontemporari oleh ASWARA**
- **Tarian Wheelchair oleh MIDO**
- **Tarian Solo Kuda Pasu oleh Adik Davis Yong Jin Yin**
- **Tarian Borneo oleh Kumpulan Kesenian JKKN**
- **Tarian Lat Tali Lat oleh Kumpulan Genius Tari**
- **Nyanyian Pompei oleh Kumpulan Genius Koir**
- **Tarian Pawana oleh Istana Budaya**
- **Tarian Moden India oleh Kumpulan Unique Arts, Culture and Heritage Foundation**
- **Muzik Ensemble Tradisional Cina oleh Kumpulan Wau Ensemble**

HADIAH FESTIVAL TARI MALAYSIA 2019

KATEGORI HADIAH	KATEGORI TARIAN RAMPAIAN TRADISIONAL	KATEGORI KONTEMPORARI SOLO
JOHAN	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 5,000.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 2,000.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER
NAIB JOHAN	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 4,000.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 1,000.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER
KETIGA	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 3,000.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 800.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER
SAGUHATI	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 1,000.00 • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 500.00 • SIJIL AHLI • FRAME POSTER
ANUGERAH KOREOGRAFER TERBAIK	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 500.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	-
ANUGERAH BUSANA TERBAIK	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM 500.00 • TROFI • MEDAL • SIJIL AHLI • FRAME POSTER 	-

HADIAH KEJUARAAN TARI KANAK-KANAK MALAYSIA 2019

KATEGORI ANUGERAH	SOLO	DUO	KBSC
EMAS	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM1,000.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM1,500.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM3,000.00 • SIJIL • MEDAL
PERAK	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM800.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM1,000.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM2,000.00 • SIJIL • MEDAL
GANGSA	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM500.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM800.00 • SIJIL • MEDAL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM1,500.00 • SIJIL • MEDAL
SAGUHATI	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM300.00 • SIJIL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM500.00 • SIJIL 	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM800.00 • SIJIL
ANUGERAH KOREOGRAFER TERBAIK	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM500.00 • SIJIL • MEDAL
ANUGERAH SUSUSAN MUZIK TERBAIK	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM500.00 • SIJIL • MEDAL
BUSANA TERBAIK	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • WANG TUNAI RM500.00 • SIJIL • MEDAL